



Sebahagian penyokong BERSATU melaungkan nama Dr Mahathir sebaik kenderaan yang membawa Perdana Menteri tiba di Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, malam tadi.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

'Hidup Tun' sambut ketibaan Dr Mahathir

Putrajaya: Suasana di pekarangan Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP), di sini, bertukar sedikit gamat sejurus ketibaan Tun Dr Mahathir Mohamad, tepat jam 8.27 malam tadi.

Kemeriahan itu tercetus apabila ketibaan Perdana Menteri diiringi kawalan keselamatan ketika menyusuri bulatan berdekatan YKP, disorak sekumpulan penyokong daripada Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Laungan 'Hidup Tun' berulang kali kedengaran, malah ia disambut dengan lirikan senyuman

oleh Dr Mahathir yang dilihat duduk di bahagian kiri tempat penumpang.

Terdahulu, kenderaan pemimpin Pakatan Harapan (PH) bersilih ganti tiba di YKP, didahului Presiden Parti Amanah Negara (AMANA), Mohamad Sabu, tepat jam 8.11 malam.

Ia disusuli Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; dan Timbalan Pengerusi DAP, Gobind Singh Deo.

Pramesyuarat Majlis Presiden PH bermula kira-kira jam 8.30 malam, diikuti mesyuarat Majlis Presiden PH.

Media sebelum ini melaporkan mesyuarat Majlis Presiden PH, malam tadi, dijangka membincangkan soal peralihan kuasa, terutama dalam menentukan tarikh khusus untuk proses berkeñaan dilaksanakan.

Sementara itu, kira-kira 50 ahli Armada BERSATU berkumpul di hadapan YKP sejak kira-kira jam 7 malam.

EXCO Armada Pusat, Mohd Fa-

him Mohd Farid, berkata ia bertujuan memberi sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir.

"Tun sudah kata, beliau akan meletakkan jawatan selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) (November depan) tetapi kita melihat ada sesetengah pemimpin suruh beliau meletakkan jawatan.

"Kita sokong apa saja keputusan Tun, tetapi beliau sudah kata akan meletakkan jawatan selepas APEC, justeru tolong hormati beliau," katanya.

BH-22/2/2020 mjd: 5